A

CHAN TSU CHONG & YANG LAIN lwn. DATO' SRI HJ MOHAMMAD NAJIB TUN HJ ABDUL RAZAK & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
SITI KHADIJAH S HASSAN BADJENID H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: MA-25-2-04-2018]
B 23 APRIL 2018

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman – Permohonan – Sama ada wujud pertikaian yang boleh diputuskan di peringkat perbicaraan substantif – Sama ada permohonan remeh atau disengajakan untuk menyusahkan* C *– Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, A. 53(3)*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Pilihan Raya – Semakan bahagian-bahagian pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya – Permohonan penggantungan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2018 dan laporan terakhir* D *persempadanan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya – Sama ada melanggar Perlembagaan Persekutuan – Sama ada mendapat kelulusan di Dewan Rakyat – Sama ada perintah telah dikuatkuasakan – Sama ada mahkamah wajar membenarkan permohonan penggantungan wajar dibenarkan – Perlembagaan Persekutuan, per. 113(2), Jadual Ketiga Belas, ss. 2(c), (d), 7 & 10*

E

Permohonan semakan kehakiman bawah A. 53(3) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') adalah terhadap Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2018 ('Perintah 2018') dan Laporan Terakhir Persempadanan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ('Laporan F SPR') mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu Kali Ke-6 Tahun 2018. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon adalah bahawa responden-responden: (i) gagal mematuhi per. 113(2) dan s. 2(c) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan G ('Perlembagaan') dalam Perintah 2018 dan Laporan SPR yang mengandungi perubahan dalam Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri-negeri Tanah Melayu menjadikan pembahagian tidak boleh dikatakan lebih kurang sama; (ii) gagal mematuhi per. 113(2) dan s. 2(d) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan dalam Perintah 2018 dan Laporan SPR tanpa memelihara H hubungan tempatan berasaskan Pihak Berkuasa Tempatan dan menggabungkan komuniti-komuniti yang tidak mempunyai hubungan tempatan; dan (iii) gagal mematuhi s. 7, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan kerana tidak mengadakan dan tidak menyelesaikan siasatan tempatan bagi 107 bantahan di Selangor. Oleh itu, terlalu awal untuk SPR menyerahkan

I

Laporan SPR kepada responden pertama untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Isu-isu yang perlu diputuskan dalam permohonan ini adalah: (i) sama ada pemohon-pemohon diberi kebenaran untuk memasukkan permohonan semakan kehakiman; dan (ii) sama ada perintah menggantung pelaksanaan penguatkuasaan Perintah 2018 dan Laporan SPR dibenarkan.

Diputuskan (membenarkan sebahagian permohonan):

(1) Mahkamah boleh memberi kebenaran semakan kehakiman jika ada pertikaian yang boleh diputuskan di peringkat perbicaraan substantif. Permohonan hanya ditolak jika didapati remeh atau menyusahkan. Pemohon-pemohon berjaya menunjukkan secara *prima facie* bahawa, sebagai pemilih, mereka terjejas berikutan keputusan berkaitan Perintah 2018 dan Laporan SPR. Permohonan pemohon-pemohon juga bukan remeh atau disengajakan untuk menyusahkan. Terdapat justifikasi untuk permohonan pemohon-pemohon dihujahkan secara substantif melalui semakan kehakiman. Oleh itu, mahkamah membenarkan permohonan memasukkan semakan kehakiman bawah A. 53 KKM. (perenggan 13, 14, 66, 67 & 70)

(2) Perintah 2018 dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong bawah s. 12 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan, setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui resolusi deraf perintah, berikutan syor-syor persempadanan semula Kawasan Pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bawah s. 10 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan seperti yang terkandung dalam Laporan SPR. Perintah 2018 telah dikuatkuasakan dan SPR telah melaksanakan tindakan-tindakan yang diwartakan. Tiada apa lagi yang perlu dilakukan oleh SPR berkaitan perintah tersebut, kecuali melaksanakan pilihanraya umum ke-14. Mahkamah tidak wajar mencampur tangan urusan dan mengganggu gugat segala penetapan dan persediaan yang telah dibuat dalam hal urusan negara bawah naungan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi mengikut penetapan Perlembagaan. Oleh itu, mahkamah menolak permohonan penggantungan Perintah 2018 dan Laporan SPR. (perenggan 71-74)

Kes-kes yang dirujuk:

Teh Guat Hong v. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional [2018] 2 CLJ 762 CA ***(dirujuk)***

Video Clip Royal Commission Case Re: Tun Dato' Seri Ahmad Fairuz [2011] 6 MLJ 490 ***(dirujuk)***

WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [2012] 4 CLJ 478 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, arts. 113(2)(i), 114, Thirteenth Schedule ss. 2(c), (d), 7, 8, 10, 12

Rules of Court 2012, O. 53 r. 3

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Siti Khadijah S Hassan Badjenid H:

Pengenalan

[1] Permohonan di mahkamah ini hanyalah untuk mendapatkan kebenaran sahaja bagi memulakan prosiding semakan kehakiman di bawah A. 53 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM).

[2] Semakan kehakiman yang diusulkan adalah terhadap Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya) (Negeri-Negeri Tanah Melayu) 2018 yang diwartakan pada 29 Mac 2018 dan Laporan Terakhir Persempadanan yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018 bertarikh 6 Mac 2018.

[3] Permohonan ini dikemukakan oleh tujuh pemilih dari beberapa daerah mengundi di kawasan Parlimen Kota Melaka (P138) dan Bukit Katil (P137).

[4] Mereka terdiri daripada Chan Tsu Chong, Neo Lih Xin, Azura Talib, Lim Kah Sheng, Norhizam bin Hassan Baktee, Amir bin Khairudin dan Amran bin Atan.

[5] Responden pertama adalah YAB Perdana Menteri Malaysia (akan dirujuk sebagai R1 selepas ini).

[6] Responden kedua adalah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia yang telah ditubuhkan mengikut per. 114 Perlembagaan Persekutuan (akan dirujuk sebagai SPR selepas ini).

[7] Jika kebenaran diberi, relief-relief yang dipohon daripada semakan kehakiman adalah seperti berikut:

(i) Satu deklarasi bahawa Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2018 yang diwartakan pada 29 Mac 2018 (selepas ini dirujuk sebagai "perintah tersebut") adalah tidak sah dan terbatal kerana tidak selaras dengan per. 113 dan Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

(ii) Satu deklarasi bahawa Laporan Kajian Semula Persempadanan mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018 bertarikh 6 Mac 2018 (selepas ini dirujuk sebagai Laporan SPR tersebut) yang dikemukakan oleh SPR kepada R1 pada 9 Mac 2018 menurut s. 8 Jadual Ketiga Belas kepada

Perlembagaan Persekutuan untuk dibentangkan di Dewan Rakyat adalah tidak sah dan terbatal kerana tidak selaras dengan per. 113 dan Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

(iii) Satu deklarasi bahawa Laporan SPR tersebut adalah tidak sah dan terbatal kerana SPR telah gagal atau enggan mengadakan dan/atau menyelesaikan siasatan tempatan sepenuhnya menurut s. 7, Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

(iv) Satu deklarasi bahawa perintah tersebut dan Laporan SPR tersebut adalah tidak berperlembagaan kerana pembahagian Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di Melaka tidak boleh dikatakan lebih kurang sama banyak menurut s. 2(c), Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah tidak sah dan terbatal;

(v) Satu deklarasi bahawa perintah tersebut dan Laporan SPR tersebut adalah tidak berperlembagaan kerana dalam pembahagian Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di Melaka, perhatian tidak diberikan kepada pemeliharaan hubungan tempatan mengikut s. 2(d), Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah tidak sah dan terbatal;

(vi) Satu perintah *certiorari* untuk membatalkan perintah tersebut dan laporan SPR tersebut;

(vii) Satu perintah *mandamus* mengarahkan responden kedua untuk mematuhi s. 7, Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dan mengadakan dan menyelesaikan siasatan tempatan dalam pelaksanaan kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri dan menyediakan laporan yang selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

(viii) Satu perintah *mandamus* mengarahkan SPR untuk mematuhi s. 2(c) dan (d), Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dalam membahagikan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri dan menyediakan laporan yang selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

(ix) Satu perintah menggantung pelaksanaan urusan lanjut atau apa-apa kerja atau proses lain atau pengambilan apa-apa tindakan lanjut oleh RI dan SPR berdasarkan Laporan SPR tersebut dan perintah tersebut.

[8] Isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam permohonan ini adalah:

(i) Sama ada pemohon-pemohon diberi kebenaran untuk memasukkan permohonan semakan kehakiman?

(ii) Sama ada mahkamah membenarkan perintah menggantung pelaksanaan penguatkuasaan Perintah 2018 tersebut dan Laporan SPR tersebut?

Penilaian Fakta, Pemakaian Undang-undang Dan Dapatan Mahkamah

[9] Perkara 113(2)(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:

> Conduct of elections
>
> 113(2) (i) Subject to paragraph (ii), the Election Commission shall, from time to time, as they deem necessary, review the division of the Federation and the States into constituencies and recommend such changes therein as they may think necessary in order to comply with the provisions contained in the Thirteenth Schedule; and the reviews of constituencies for the purposes of elections to the Legislative Assemblies shall be undertaken at the same time as the reviews of constituencies for the purpose of elections to the House of Representatives.
>
> (ii) ...
>
> (iii) ...

[10] Seksyen 2(c) dan (d) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:

> 2. The following principles shall as far as possible be taken into account in dividing any unit of review into constituencies pursuant to the provisions of Articles 116 and 117
>
> (c) the number of electors within each constituency in a State ought to be approximately equal except that, having regard to the greater difficulty of reaching electors in the country districts and the other disadvantages facing rural constituencies, a measure of weightage for area ought to be given to such constituencies;
>
> (d) regard ought to be had to the inconveniences attendant on alterations of constituencies, and to the maintenance of local ties.

[11] Peruntukan di bawah s. 7 Jadual Ketiga Belas adalah seperti berikut:

> Where the Election Commission revise any proposed recommendations after publishing a notice thereof under s. 4, the Commission shall comply again with that section in relation to the revised recommendations, as if no earlier notice had been published.

[12] Di peringkat ini mahkamah mengambil ingatan bahawa permohonan hanyalah untuk mendapatkan kebenaran untuk semakan kehakiman. Dengan itu asas pertimbangan tidaklah melibatkan perbicaraan substantif.

[13] Berlanjutan daripada prinsip yang dianjurkan oleh Mahkamah Persekutuan melalui keputusan dalam kes *WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Berhad* [2012] 4 CLJ 478; [2012] 4 MLJ 296 yang telah dirujuk kepada mahkamah oleh yang terpelajar Peguam Kanan Persekutuan, dapatlah dirumuskan bahawa, bagi permohonan kebenaran seperti ini, memadailah dengan mahkamah mengimbas sahaja bahan yang dikemukakan tanpa mendalaminya. Jika didapati ada pertikaian yang boleh diputuskan di peringkat perbicaraan substantif kelak, bolehlah mahkamah memberi kebenaran yang dipohonkan.

[14] Mengikut ujian yang ditetapkan sepertimana disarankan melalui kes-kes yang telah diputuskan, permohonan hanya ditolak jika didapati remeh ataupun menyusahkan.

[15] Yang amat arif Raus Sharif (PMR pada ketika itu) melalui keputusan dalam kes *Video Clip Royal Commission Case Re: Tun Dato' Seri Ahmad Fairuz* [2011] 6 MLJ 490 telah meletak dengan kemas kedudukan tatacara yang perlu dipatuhi seperti berikut:

> [20] ... At the leave stage without the need to go into depth of the abundance of authorities, suffice for us to state that the threshold for the granting of such leave is very low. Leave is normally granted if the application is neither frivolous nor vexatious and it justifies further argument on a substantive motion ...

[16] Dalam kes *Teh Guat Hong v. PTPTN* [2018] 2 CLJ 762 Mahkamah Rayuan memberi amaran dalam permohonan seperti ini, terhadap memulakan pendengaran dengan isu-isu substansial atas merit di peringkat ini, ataupun daripada bermula dengan hujah substantif berkaitan bidang kuasa mahkamah.

[17] Prinsip yang dirumuskan dalam kes *Teh Guat Hong (supra)* adalah bahawa memadai jika pemohon dapat menunjukkan kepada mahkamah secara *prima facie* bahawa dia terjejas berikutan keputusan bersifat *kuasi* kehakiman atau pentadbiran ataupun daripada keputusan yang dibuat oleh mana-mana badan awam. Daripada keputusan kes ini, satu soalan ringkas yang dianjurkan ditanya oleh mahkamah apabila menimbang permohonan sedemikian adalah "mengapa kebenaran tidak boleh diberi?"

[18] Di hadapan mahkamah ini tiga alasan permohonan telah dikemukakan melalui afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Norhizam bin Hassan Baktee (pemohon kelima) pada 5 April 2018, yang mana R1 dan SPR dikatakan sebagai telah:

(i) Gagal mematuhi per. 113(2) dan s. 2(c), Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dalam Perintah tersebut dan Laporan SPR tersebut yang mengandungi perubahan dalam Bahagian-Bahagian

Pilihanraya Persekutuan dan Negeri-Negeri Tanah Melayu menjadikan pembahagian tidak boleh dikatakan lebih kurang sama (mal-apportionment);

(ii) Gagal mematuhi per. 113(2) dan s. 2(d) Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dalam Perintah tersebut dan laporan SPR tersebut tanpa memelihara hubungan tempatan berasaskan Pihak Berkuasa Tempatan dan menggabungkan komuniti-komuniti yang tidak mempunyai hubungan tempatan; dan

(iii) Gagal mematuhi s. 7, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan kerana tidak mengadakan dan tidak menyelesaikan siasatan tempatan bagi 107 bantahan di Selangor. Maka adalah terlalu awal (premature) untuk SPR menyerahkan laporan SPR tersebut kepada R1 untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

[19] Sehubungan dengan itu, pemohon-pemohon mengatakan bahawa perintah tersebut dan laporan SPR tersebut adalah tidak berperlembagaan.

[20] Pemohon-pemohon dalam alasannya menegaskan bahawa perubahan dalam persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di Negeri-Negeri Tanah Melayu sepertimana dalam Perintah tersebut dan Laporan SPR tersebut adalah tidak berperlembagaan dan dengan itu SPR sepatutnya diarahkan untuk mengadakan dan menyelesaikan siasatan tempatan dan melakukan pembahagian Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

[21] Dalam menangani alasan yang diberi oleh pemohon-pemohon ini, dengan dibimbing oleh prinsip yang diutarakan dalam kes *WRP Asia Pacific Sdn. Bhd (supra)* mahkamah sekadar mengimbas sahaja daripada bahan-bahan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon.

[22] Mahkamah mengambil ingatan bahawa tugas mahkamah di peringkat ini hanyalah untuk menentukan sama ada terdapat pertikaian yang boleh diputuskan di peringkat perbicaraan substantif kelak. Jika terdapat sedemikian mahkamah akan membenarkan permohonan ini. Permohonan pemohon-pemohon tidak akan dibenarkan dalam keadaan sebaliknya.

Asas Alasan Pertama

[23] Dalam permohonan pemohon-pemohon adalah bahawa SPR gagal mematuhi per. 113(2) dan s. 2(c) Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dalam Perintah tersebut dan Laporan SPR tersebut.

[24] Menurut pemohon-pemohon, SPR langsung tidak mengambil kira bantahan-bantahan dan hujah yang dikemukakan oleh pemohon pertama dan pembantah-pembantah lain semasa siasatan tempatan dijalankan.

[25] Siasatan tempatan yang dijalankan tersebut adalah berkenaan dengan pembahagian yang dikatakan tidak sekata bagi N20 Kota Laksamana dan P138 Kota Melaka dalam syor satu dan syor dua, dan bagi N19 Limbongan dalam syor 2.

[26] Sebaliknya, menurut pemohon-pemohon, dalam laporan SPR tersebut, SPR telah menambah lagi bilangan pemilih di N19 Kesidang (dikenali sebagai N19 Limbongan dalam syor 2 tersebut) dan P138 Kota Melaka dengan memasukkan 3,237 pemilih dari daerah mengundi Bertam yang dahulunya di Bahagian Pilihanraya Negeri N13 Paya Rumput dan Bahagian Pilihanraya Persekutuan P138 Tangga Batu, menjadikan pembahagian Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri menjadi lebih tidak sekata dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

(i) Di N20 Kota Laksamana

[27] Mengikut daftar pemilih yang diguna pakai dalam notis syor 1 tersebut, N20 Kota Laksamana mempunyai 19,466 pemilih.

[28] Dalam syor 1 tersebut jumlah pemilih bertambah kepada 20,994 orang.

[29] Dalam syor 2 dan laporan SPR jumlah pemilih menjadi 29,580 orang.

[30] Pemohon-pemohon berhujah bahawa ini merupakan penambahan seramai 10,114 orang pemilih yang dipindahkan dari lima daerah mengundi dari Bahagian Pilihanraya Negeri Kesidang.

[31] Berbanding dengan N05 Taboh Naning yang hanya mempunyai 8,198 pemilih (di mana jumlah tidak berubah dalam daftar pemilih yang diguna pakai dalam syor 1 tersebut, dalam syor 2 tersebut dan Laporan SPR tersebut), jumlah pemilih di N20 Kota Laksamana adalah 3.60 kali ganda jumlah pemilih di N05 Taboh Naning.

[32] Pemohon-pemohon mengatakan bahawa dalam keadaan ini, tidak boleh dikatakan bahawa bilangan pemilih di dalam setiap Bahagian Pilihanraya dalam sesuatu negeri adalah lebih kurang sama banyak, sepertimana yang dimaksudkan di bawah s. 2(c), Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

(ii) Di N19 Kesidang

[33] Mengikut daftar pemilih yang diguna pakai dalam notis syor 1 tersebut, N19 Kesidang mempunyai 17,964 pemilih.

[34] Dalam syor 1 tersebut jumlah pemilih bertambah kepada 20,986 orang.

[35] Dalam syor 2 tersebut, N19 Kesidang ditukar kepada N19 Limbongan, dan jumlah pemilih bertambah kepada 31,250 orang.

[36] Dalam laporan SPR tersebut pula, jumlah pemilih bertambah lagi menjadi 34,160 orang.

[37] N19 Kesidang yang diubahkan menjadi Bahagian Pilihanraya Negeri mempunyai jumlah pemilih tertinggi di Melaka berbanding dengan N05 Taboh Naning yang hanya mempunyai 8,198 pemilih (di mana jumlah tidak berubah dalam daftar pemilih yang diguna pakai dalam syor 1 tersebut, dalam syor 2 tersebut dan laporan SPR tersebut).

[38] Jumlah pemilih di N19 Kesidang adalah 4.16 kali ganda jumlah pemilih di N05 Taboh Naning.

[39] Apabila dibandingkan N19 dengan Bahagian Pilihanraya yang lain yang serupa dalam P138 Kota Melaka iaitu kawasan Bandar, N21 Duyong hanya mempunyai 16,700 pemilih, N22 Bandar Hilir hanya mempunyai 21,025 pemilih, sementara di Bahagian Pilihanraya Persekutuan P137 Hang Tuah Jaya, N15 Pengkalan Batu mempunyai 19,524 pemilih, N16 Ayer Keroh mempunyai 22,516 pemilih dan N17 Bukit Katil mempunyai 22,497 pemilih, manakala di Bahagian Pilihanraya Persekutuan P136 Tangga Batu, N13 Paya Rumput mempunyai 20,801 pemilih dan N14 Klebang hanya mempunyai 18,957 pemilih.

[40] Sehubungan dengan itu pemohon-pemohon menegaskan bahawa SPR, dalam mengkaji semula pembahagian Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri, tidak mematuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, di mana bilangan pemilih dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak.

(iii) Di P138 Kota Melaka

[41] Mengikut daftar pemilih yang diguna pakai dalam notis syor 1 tersebut, P138 Kota Melaka mempunyai 93,761 pemilih.

[42] Dalam syor 1 tersebut, bilangan pemilih adalah 105,067.

[43] Dalam syor 2 tersebut pula, jumlah pemilih adalah 117,161.

[44] Dalam laporan SPR tersebut pula, bilangan pemilih adalah 120,071.

[45] Menurut pemohon-pemohon, kini P138 Kota Melaka yang diubahkan mempunyai jumlah pemilih tertinggi di Melaka, di mana jumlah pemilih di P138 adalah 2.50 kali ganda pemilih P134 Masjid Tanah yang hanya mempunyai 47,972 pemilih;

[46] Perbezaan 2.50 kali ganda ini dikatakan oleh pemohon-pemohon sebagai tidak mungkin sama sekali boleh dikatakan sebagai bilangan pemilih di dalam setiap Bahagian Pilihanraya dalam sesuatu negeri lebih kurang sama banyak seperti yang diperuntukkan dalam s. 2(c), Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

[47] Pemohon-pemohon berhujah bahawa s. 2(c) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan memberi pengecualian, di mana ukuran pewajaran bagi kawasan patut diberikan kepada Bahagian Pilihanraya dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih-pemilih di dalam daerah desa, dan kesukaran lain yang dihadapi oleh Bahagian-Bahagian Pilihanraya di luar bandar.

[48] Walau bagaimanapun menurut pemohon-pemohon, pengecualian ini tidak menjadi isu dengan situasi di Melaka. Dikatakan sedemikian memandangkan Melaka merupakan negeri yang maju dan tidak ada kesulitan besar untuk sampai kepada pemilih-pemilih di dalam daerah desa, mahupun kesukaran lain kerana:

(a) Negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil;

(b) Negeri Melaka mempunyai akses pengangkutan dan jalan raya yang baik. Oleh itu, tiada kesukaran untuk pemilih-pemilih bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain;

(c) Setiap kawasan mempunyai pekan utama yang mudah diakses.

[49] Dalam keadaan tersebut pemohon-pemohon mengatakan bahawa, adalah tidak wajar terdapatnya pembahagian yang begitu tidak sekata di antara Bahagian-Bahagian Pilihanraya di Melaka.

[50] Sehubungan dengan itu pemohon-pemohon berhujah bahawa, dalam menjalankan kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri-Negeri Tanah Melayu, SPR sepatutnya memperbaiki pembahagian yang tidak sekata dan bukan sebaliknya dengan mengakibatkan pembahagian menjadi lebih tidak sekata.

[51] Menurut pemohon-pemohon, dalam Laporan SPR tersebut, SPR telah gagal menjalankan tugas mengikut Perlembagaan Persekutuan dan sebaliknya telah mengakibatkan pembahagian di N19 Kesidang, N20 Kota Laksamana dan P138 Kota Melaka menjadi lebih tidak sekata (mal-apportionment).

Bagi Alasan Kedua

[52] Pemohon-pemohon berhujah bahawa perubahan pada Bahagian-Bahagian Pilihanraya dalam perintah tersebut berikutan daripada syor-syor SPR dalam Laporan SPR tersebut adalah tidak berperlembagaan kerana gagal

memberi perhatian kepada pemeliharaan hubungan tempatan sepertimana yang dikehendaki di bawah s. 2(d) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

[53] Sepertimana dihujahkan oleh pihak pemohon-pemohon, P138 Kota Melaka merangkumi dua kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

[54] Menurut pemohon-pemohon sempadan adalah penting untuk membolehkan pemilih-pemilih mengetahui Bahagian-Bahagian Pilihanrayanya tertakluk kepada polisi dan bidang kuasa PBT yang mana. Tertakluk kepada bidang kuasa dua PBT menjadikan lebih sukar untuk menyelaraskan aduan atau pembangunan.

[55] Pemohon-pemohon menegaskan bahawa kewujudan dua PBT dalam satu Bahagian Pilihanraya Persekutuan akan memudaratkan perhubungan tempatan dan kehidupan harian penduduk. Ia juga akan menimbulkan kekeliruan di kalangan penduduk. Wakil rakyat pula akan disusahkan kerana beliau perlu berurusan dengan dua PBT dan oleh itu tidak dapat berkhidmat secara efisyen dan efektif kepada rakyat.

[56] Pemohon-pemohon memaklumkan bahawa lima daerah mengundi termasuk Taman Asean, Malim Jaya, Taman Merdeka, Melaka Baru dan Batu Berendam (yang mempunyai 23,400 pemilih) semuanya mempunyai perhubungan tempatan yang kuat dengan P137 Hang Tuah Jaya.

[57] Jalan-jalan raya utama di kawasan tersebut iaitu Jalan Batu Berendam, Jalan Tun Fatimah dan Jalan Bachang adalah melalui kawasan P137 Hang Tuah Jaya.

[58] Kebanyakan penduduk di kawasan tersebut menjalankan kehidupan harian seperti bekerja, bersekolah dan membeli belah di Bachang dan Ayer Keroh yang terletak di dalam P137 Hang Tuah Jaya.

[59] Kawasan Batu Berendam dan Malim Jaya merupakan kawasan perindustrian.

[60] Namun demikian daerah-daerah mengundi tersebut telah dimasukkan ke P138 Kota Melaka yang tidak mempunyai hubungan tempatan dengan daerah-daerah tersebut.

[61] Sebaliknya P138 Kota Melaka yang sudah mempunyai jumlah pemilih yang tertinggi di Melaka dihujahkan telah dijadikan lebih besar dengan menggabungkan komuniti-komuniti tempatan yang tidak mempunyai hubungan tempatan dengan P138 Kota Melaka di mana 3,237 pemilih dari daerah mengundi Bertam yang pada asalya terletak di dalam P136 Tangga Batu, telah dimasukkan ke P138 Kota Melaka.

[62] Menurut pemohon-pemohon, inilah keadaannya walaupun daerah mengundi Bertam mempunyai perhubungan tempatan yang lebih rapat dengan N13 Paya Rumput dan P136 Tangga Batu atas sebab-sebab berikut:

(a) Jalan raya-jalan raya utama di kawasan-kawasan tersebut, iaitu Jalan Pulau Gadong adalah melalui kawasan P136 Tangga Batu; dan

(b) Kebanyakan penduduk-penduduk di kawasan tersebut menjalankan kehidupan harian seperti membeli belah dan mengunjungi kedai-kedai makanan di kawasan Cheng, yang terletak di dalam P136 Tangga Batu.

Bagi Alasan Ketiga

[63] Pemohon-pemohon merujuk kepada s. 7 Jadual Ketiga Belas dan berhujah bahawa memandangkan siasatan tempatan di Selangor bagi 107 bantahan belum diadakan, dan proses kajian semula oleh SPR belum diselesaikan, maka adalah terlalu awal (premature) untuk SPR menyerahkan Laporan SPR tersebut kepada R1 untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

[64] Sehubungan dengan itu pemohon-pemohon berhujah bahawa laporan SPR tersebut adalah tidak sah dan terbatal.

Dapatan Mahkamah

Atas Isu Pertama

Sama ada Pemohon-pemohon Diberi Kebenaran Untuk Memasukkan Permohonan Semakan Kehakiman?

[65] Tanpa mengupas isu-isu substansial atas merit mahupun hujah substantif berkaitan bidang kuasa mahkamah ini, mahkamah hanya mengimbas bahan-bahan sepertimana dikemukakan oleh pihak pemohon-pemohon melalui afidavit sokongan dalam permohonan ini, tanpa apa-apa keperluan untuk mahkamah mendalaminya di peringkat ini.

[66] Mahkamah mendapati pemohon-pemohon telah dapat menunjukkan kepada mahkamah secara *prima facie* bahawa mereka terjejas sebagai pemilih-pemilih berikutan keputusan berkaitan perintah tersebut dan laporan SPR tersebut dalam keadaan-keadaan yang dikemukakan kepada mahkamah sepertimana dinyatakan di atas tadi.

[67] Setelah diberi pertimbangan yang teliti, pada hemat mahkamah, permohonan yang dibuat oleh pemohon-pemohon bukanlah remeh ataupun sengaja untuk menyusahkan.

[68] Mahkamah mendapati pemohon-pemohon mempunyai justifikasi untuk permohonan mereka dihujahkan secara substantif melalui semakan kehakiman di bawah A. 53 KKM. Dalam keadaan ini mahkamah membangkitkan persoalan "mengapa kebenaran tidak boleh diberi dalam permohonan ini?"

[69] Setelah menimbang secara teliti faktor-faktor yang perlu diberi pertimbangan mahkamah tidak mempunyai alasan mengapa kebenaran tidak boleh diberi kepada pemohon-pemohon dalam permohonan ini.

[70] Memandangkan mahkamah mendapati ada pertikaian yang boleh diputuskan di peringkat perbicaraan substantif kelak, mahkamah memutuskan adalah wajar untuk mahkamah memberi kebenaran kepada pemohon-pemohon untuk memasukkan permohonan semakan kehakiman sepertimana diperuntukkan di bawah A. 53 k. 6 KKM.

Atas Isu Kedua

Sama ada Mahkamah Membenarkan Perintah Menggantung Pelaksanaan Penguatkuasaan Perintah 2018 Tersebut Oleh Perdana Menteri Dan Laporan SPR?

[71] Perintah tersebut telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah s. 12 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui resolusi deraf perintah berikutan syor-syor persempadanan semula kawasan Pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah s. 10 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan sepertimana terkandung dalam Laporan SPR.

[72] Perintah tersebut telah dikuatkuasakan dan SPR telah melaksanakan tindakan-tindakan yang telah digazetkan. Tiada apa lagi yang perlu dilakukan oleh SPR berkaitan Perintah tersebut, kecuali melaksanakan Pilihanraya Umum ke 14 yang telah dijadualkan berlangsung tidak lama lagi pada 9 Mei 2018.

[73] Adalah tidak wajar mahkamah mencampuri urusan dan mengganggu gugat segala penetapan dan persediaan yang telah dibuat dalam hal urusan Negara di bawah naungan pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi-fungsi mengikut penetapan Perlembagaan Persekutuan itu sendiri.

Keputusan Mahkamah

[74] Dengan ini mahkamah membenarkan permohonan pemohon-pemohon untuk memasukkan permohonan semakan kehakiman dan menolak permohonan untuk penggantungan perintah tersebut dan laporan SPR tersebut.